

B A B : I I I

F a s a l P e r t a m a

1. TEMPAT PERBICARAAN

1.1 Pada zaman Rasulullah s.a.w. dan khalifah-khalifah selepasnya, perbicaraan sering diadakan di tempat-tempat terbuka seperti di Masjid atau di tempat-tempat umum yang tidak menghalang orang-ramai dari menghadirinya. Namun demikian pada zaman pemerintahan Saidina Uthman al-^cAffan institusi kehakiman telah di tempatkan di bangunan khas, berbanding dengan khalifah-khalifah sebelumnya.¹

1.2 Para Fuqaha' ada menyebutkan sebahagian daripada ciri-ciri tempat perbicaraan. Antaranya ialah;

i. Tempat perbicaraan itu hendaklah memberikan keselesaan kepada Hakim dan pihak-pihak yang bertikai dan mempunyai pelbagai kemudahan kepada orang ramai yang menghadiri perbicaraan. Al-Faqih Ibn Farahun² berkata;

"Adapun tempat perbicaraan itu mestilah mempunyai keluasan yang sesuai, tidak menyulitkan pihak-pihak yang bertikai dan tidak terlalu menjemukan mereka"

95

ii. Tempat perbicaraan itu hendaklah berada ditengah-tengah negeri, daerah atau kawasan supaya mudah diketahui oleh penduduk tempatan dan orang luar.³

iii. Ianya hendaklah juga terpelihara dari kesejukan, kepanasan dan terhindar daripada sesuatu yang menyusahkan dan menyulitkan orang-orang yang menghadirinya. Misalnya, bau-bauan yang busuk, asap, habuk, hingar bangar dan lain-lain yang mengganggu ketenteraman suasana persekitaran.⁴ Menurut al-Ramlīy,⁵ dalam bukunya 'Nihāyah al-Muh-tāj' menyebutkan tempat perbicaraan itu hendaklah mempunyai kehebatan dan kehormatan, sesuai dengan jawatan seorang Hakim dan kemuliaan Mahkamah. Beliau berkata;

"Hendaklah tempat itu sesuai dan layak dengan tugas dan jawatan Kehakiman yang merupakan jawatan teragung dan terhormat, dalam erti kata lain tempat itu cukup terhormat dan penuh kebesaran"

2. HUKUM MENJALANKAN PERBICARAAN DI RUMAH DAN DI MASJID

2.1 Pada masa-masa dharurat atau di dalam keadaan yang terdesak, para Fuqaha' berpendapat seseorang Hakim harus menjalankan perbicaraan di-rumahnya demi kepentingan awam. Al-Mawardi⁶ berkata apabila telah ditentukan tempat perbicaraan itu seperti di rumah Hakim dan di masjid, maka keputusan yang dijatuhkan itu dianggap sah.

2.2 Para Fuqaha' juga telah berselisih pendapat mengenai perbicaraan di masjid. Kebanyakan daripada mereka mengharuskan perbicaraan di masjid. Terdapat beberapa tokoh 'ulama' salaf seperti Syuraih, al-Hasan, dan Sya^cabi⁷ telah berbuat demikian. Begitu juga terdapat riwayat yang menyatakan Saidina Umar, Saidina Uthman dan Saidina Ali sering mengadakan perbicaraan di masjid.

Pendapat ini dipersetujui oleh al-Imam Malik, Ahmad Ibn Hanbal, Ishak, Ibn Munzir dan sebahagian dari Fuqaha' Mazhab Hanafi.

2.3 Sebaliknya al-Imam Syafi'e⁸ melarang di-
jalankan perbicaraan di masjid bersandarkan ke-
pada riwayat yang menyatakan Saidina Umar al-Khat-
tab r.a. telah menulis surat kepada al-Qassim bin
CAbdul Rahman, memerintahkan kepadanya supaya
tidak menjalankan perbicaraan di masjid. Larangan
tersebut kerana seseorang Hakim itu sering di kun-
jungi oleh kafir zimmi, perempuan-perempuan yang
berhaidh, orang-orang yang berjunub dan dikhuatiri
akan berlakunya kebisingan. Sedangkan masjid di-
bina bukanlah bertujuan untuk perbicaraan, tetapi
tempat ibadat, justeru itu kehormatan dan kesucian
masjid harus dipelihara.⁹

2.4 Fuqaha yang mengharuskan perbicaraan di-
jalankan di masjid adalah berdasarkan kepada Ijma^C
para sahabat. Imam Malik¹⁰ berkata "perbicaraan
di masjid merupakan urusan-urusan manusia yang su-
dah berjalan sekian lama, kerana menjalankan per-
bicaraan di masjid dapat memperdekatkan diri ke-
pada Allah s.w.t., dan dapat melakukan keta'atan
kepada Allah, serta dapat menginsafkan manusia.
Oleh itu tidak ditegah untuk menjalankan perbi-
caraan di masjid. Menyentuh tentang apa yang

diriwayatkan oleh al-Imam Syafi'e bahawa Saidina Umar al-Khattab memerintahkan al-Qasim bin Abdul Rahman supaya tidak menjalankan perbicaraan di-masjid, sebenarnya ada satu riwayat yang lain. Berhubung dengan perempuan yang berhaidh ia boleh mewakili kepada orang lain, bagi orang-orang yang berjunub, mereka boleh mandi wajib dan boleh menghadirkan diri ke masjid. Sementara bagi kafir zimmi mereka diharuskan masuk ke masjid jika ada kebenaran dan keizinan dari orang-orang Islam. Rasulullah s.a.w. sering berada di masjid bagi memenuhi kehendak-kehendak orang ramai dalam soal hukum, fatwa dan sebagainya. Para sahabat sering menuntut sesuatu hak di antara mereka di dalam masjid, dan kemungkinan kebisingan tidak dapat di-elakkan.

2.5 Walaubagaimana pun kebanyakan para Fuqaha' lebih bersetuju dengan pendapat al-Imam Syafi'e dengan mengatakan pendapatnya lebih rajih dan muktamad kerana hujjah beliau lebih munasabah dan melihat kepada fungsi masjid itu sendiri. Oleh itu perlu disediakan satu tempat khas yang mempunyai pelbagai kemudahan bagi menyimpan segala

dokumen-dokumen penting, fail-fail, kes-kes Mahkamah, aduan-aduan, keputusan-keputusan Mahkamah dan sebagainya. Namun demikian hukum menjalankan perbicaraan di masjid adalah diharuskan pada waktu dharurat sahaja. Oleh itu seharusnya ada usaha-usaha yang bersungguh bagi menghapuskan sebab musabab dharurat tersebut.¹¹

Kalau ditinjau pada masa kini, corak kehidupan yang lebih sempurna menyebabkan bidang pendakwaan itu lebih luas dan sudah semestinya memerlukan satu tempat yang khusus bagi menjalankan perbicaraan. Oleh itu, penyediaan satu Mahkamah seperti yang ada sekarang ini, bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa.

3. MASA PERBICARAAN

3.1 Dalam sejarah kehakiman Islam, seseorang Hakim itu telah ditetapkan hari-hari tertentu bagi beliau membuat penelitian terhadap kes-kes yang di kemukakan kepadanya, demi menjaga kepentingan pihak-pihak yang bertikai. Dalam hal ini al-Mawardi¹² menegaskan jika seseorang Hakim itu telah ditentukan bagi memutuskan sesuatu kes pada hari Sabtu misalnya, maka bidang kuasa beliau hanya terbatas pada hari itu sahaja.

Di samping itu juga para Fuqaha' ada menjelaskan seseorang Hakim hendaklah menentukan waktu-waktu perbicaraan, asalkan penentuan waktu itu tidak membebankannya. Sehubungan dengan ini al-Imam Malik¹³ berkata;

"Seseorang Hakim itu hendaklah duduk bagi menjalankan perbicaraan pengadilan pada waktu siang, kerana saya merasa bimbang beliau akan tersalah menjatuhkan hukuman disebabkan terlalu banyak masa yang digunakan bagi tujuan pengadilan. Hakim juga hendaklah menghindarkan dirinya dari melakukan perkara-perkara yang boleh memenatkan badannya sepanjang hari".

3.2 Walaubagaimana pun sebahagian para Fuqaha' juga ada menegaskan bahawa seseorang Hakim tidak sewajarnya menjalankan perbicaraan pada kedua-dua hari raya, hari ^cArafah, Tarwiyyah dan hari Jumaat menurut pendapat Fuqaha' muta'akhirin¹⁴. Manakala al-Faqih al-Samnānī¹⁵ berpendapat seseorang Hakim hendaklah menentukan waktu-waktu yang sesuai untuk menjalankan perbicaraan dan waktu yang lain bagi urusan-urusan peribadinya dan keluarganya. Namun demikian perbicaraan pada hari-hari tersebut ada kekecualiannya, sekiranya terdapat kes-kes yang di khawatiri luput begitu sahaja, sehingga memudharatkan pihak-pihak yang bertikai.

3.3 Kanun Prosedur Jenayah¹⁶ memperuntukkan sebarang perbicaraan dalam mana-mana jua Mahkamah tidak akan menjadi tidak sah disebabkan ianya dijalankan pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan Am.

Kesimpulannya, penentuan hari dan waktu perbicaraan bagi seseorang Hakim adalah bergantung atas budi bicara pihak pemerintah, berdasarkan kepentingan umum. Kaedah penentuan tersebut adalah perintah Am kepada semua Hakim di seluruh negara

3.2 Walaubagaimana pun sebahagian para Fuqaha' juga ada menegaskan bahawa seseorang Hakim tidak sewajarnya menjalankan perbicaraan pada kedua-dua hari raya, hari 'Arafah, Tarwiyah dan hari Jumaat menurut pendapat Fuqaha' muta'akhirin¹⁴. Manakala al-Faqih al-Samnānī¹⁵ berpendapat seseorang Hakim hendaklah menentukan waktu-waktu yang sesuai untuk menjalankan perbicaraan dan waktu yang lain bagi urusan-urusan peribadinya dan keluarganya. Namun demikian perbicaraan pada hari-hari tersebut ada kekecualiannya, sekiranya terdapat kes-kes yang di-khuatiri luput begitu sahaja, sehingga memudharatkan pihak-pihak yang bertikai.

3.3 Kanun Prosedur Jenayah¹⁶ memperuntukkan sebarang perbicaraan dalam mana-mana jua Mahkamah tidak akan menjadi tidak sah disebabkan ianya dijalankan pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan Am.

Kesimpulannya, penentuan hari dan waktu perbicaraan bagi seseorang Hakim adalah bergantung atas budi bicara pihak pemerintah, berdasarkan kepentingan umum. Kaedah penentuan tersebut adalah perintah Am kepada semua Hakim di seluruh negara Islam.

4. ORANG YANG MENGHADIRI MAHKAMAH

4.1 Pada hari perbicaraan seseorang Hakim akan berada di Mahkamah untuk mengadili pihak-pihak yang bertikai. Beliau akan memanggil pembantunya seperti pengawal-pengawal Mahkamah, penterjemah, anggota Majlis Mesyuarat (juri) yang terdiri dari kalangan para 'ulama' dan kerani Mahkamah, untuk masuk ke Mahkamah.

4.2 Menyentuh tentang pengawal-pengawal Mahkamah, al-Imam Syafi'e¹⁷ mengatakan seseorang Hakim tidak seharusnya memanggil pengawal-pengawal, semasa perbicaraan dijalankan, kecuali apabila berlakunya kacau bilau di dalam Mahkamah. Tetapi pendapat ini bercanggah dengan pendapat al-Qādi Abū Taib at-Tabarī¹⁸ beliau menegaskan seseorang Hakim itu wajib memanggil pengawal-pengawal Mahkamah semasa perbicaraan dijalankan dengan tujuan memastikan pihak-pihak yang bertikai mematuhi peraturan-peraturan Mahkamah.

Sementara itu al-Mawardi¹⁹ pula menegaskan beberapa sifat yang harus ada pada seseorang pengawal Mahkamah. Antaranya; seorang yang adil,

pemaaf, amanah, mempunyai pandangan yang jauh ter-hindar dari pengaruh hawa nafsu dan sebagainya.

4.3 Seseorang Hakim juga hendaklah memanggil penterjemah yang adil, jika terdapat dua orang asing yang datang kepadanya untuk mengemukakan dakwaan, sedangkan beliau tidak dapat memahami bahasa yang digunakan oleh salah satu pihak atau kedua-dua pihak yang bertikai. Ini menurut pendapat al-Imam Syafi'e dan ulama' Mazhab Hanbali.²⁰

Berhubung dengan bilangan penterjemah ada pendapat yang mengatakan hendaklah bilangan mereka itu lebih dari seorang.²¹ Tetapi menurut Ibn Qudāmah memadai dengan seorang sahaja, meski pun penterjemah itu dari kalangan wanita, asalkan ia mempunyai sifat yang ^cadil.²²

Pendapat yang muktamad dalam hal ini, mengatakan cukup dengan seorang sahaja jika ia seorang yang pintar atau mempunyai kepakaran dalam menterjemah dan mempunyai sifat ke^cadilan tidak kira samada dari kalangan lelaki atau wanita, kerana tujuan penterjemahan itu ialah untuk memudahkan Hakim, orang ramai memahami perbicaraan.

Dalam menterjemahkan satu-satu dakwaan tidak disyaratkan dengan lafaz 'aku naik saksi', sebaliknya al-Mawardi²³ mensyaratkan dalam menterjemahkan sesuatu dakwaan hendaklah dengan lafaz tersebut.

4.4 Sebelum seseorang Hakim menjatuhkan sesuatu hukuman, beliau hendaklah bermesyuarat dengan anggota Majlis Mesyuarat Mahkamah atau juri yang terdiri dari kalangan para ulama'.²⁴ Firman Allah s.w.t.²⁵ yang bermaksud;

"Bermusyawarahlah engkau dengan mereka dari hal urusan"

Menurut Syaibanī,²⁶ seseorang Hakim hendaklah meneliti al-Qur'an dan as-Sunnah sebelum beliau menjatuhkan sesuatu hukuman. Oleh itu beliau hendaklah bermesyuarat dengan anggota Majlis Mahkamah sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman.

4.5 Berhubung dengan jawatan kerani Mahkamah pada zaman pemerintahan Banīy Umaiyyah telah diwujudkan jawatan kerani Mahkamah yang bertugas untuk mencatatkan segala keputusan-keputusan Mahkamah dan menyusun senarai nama pihak-pihak yang bertikai. Apabila berkembangnya pelbagai per-

adaban dan semakin banyak kes-kes yang wujud, maka para Fuqaha' berpendapat setiap Hakim wajib mempunyai seorang kerani yang mempunyai kelayakkan yang sama dengan jawatan seorang Hakim, kerana ia juga terlibat secara langsung dengan perbicaraan dan pengadilan.

Di fahamkan dari pendapat Fuqaha' Mazhab Hanafi bahawa hukum mewujudkan jawatan kerani Mahkamah adalah wajib. Demikian juga menurut satu riwayat yang sah, bahawa Fuqaha' Mazhab Hanbali bersetuju dengan pendapat tersebut.²⁷

Di antara sifat-sifat yang harus ada pada seseorang kerani Mahkamah, ialah seorang yang ber-aqal, adil lagi dipercayai, memahami peraturan-peraturan Mahkamah, mempunyai ingatan yang sempurna, tidak tamak dan sebagainya.²⁸

Ringkasnya, pada hari perbicaraan Hakim hendaklah memanggil pembantunya untuk masuk ke dalam Mahkamah dengan tujuan untuk membantunya dan menyaksikan perbicaraan yang dijalankan.

5. PERATURAN-PERATURAN MAHKAMAH

5.1 Mahkamah ialah satu tempat yang terhormat dan mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang mesti dipatuhi oleh pihak-pihak yang bertikai dan orang ramai yang menghadirinya. Segala keterangan, pendakwaan, penafian dakwaan dan seterusnya menjatuhkan hukuman akan dijalankan di dalam Mahkamah secara terbuka. Oleh itu, sesiapa sahaja diharuskan untuk menghadirinya bagi mengikuti perbicaraan. Al-Faqih al-Samnānī²⁹ dalam kitabnya 'Raudah al-Qudāh' menegaskan katanya;

"Dan sesungguhnya aku telah menyaksikan seorang Hakim sedang menjalankan perbicaraan di Dewan Istana Khalifah yang terletak di jalan Babunnaubah, sedangkan pihak-pihak yang bertikai berdiri di hadapannya, sementara pihak polis, pembantu-pembantunya dan orang ramai sedang mendengar dan mengikuti perbicaraan tersebut"

5.2 Dewasa ini, perbicaraan tidak lagi dijalankan di masjid-masjid dan di tempat-tempat yang lapang, malah dijalankan disatu tempat yang khusus iaitu di Mahkamah. Menurut seksyen 7, Kanun Prosedur Jenayah³⁰ memperuntukkan, tempat di mana

Mahkamah Jenayah di jalankan bagi tujuan penyiasatan dan perbicaraan untuk sebarang kesalahan disifatkan sebagai Mahkamah terbuka orang ramai pada umumnya boleh masuk.

5.3 Pada prinsipnya setiap perbicaraan hendaklah dijalankan di Mahkamah secara terbuka, dan sesiapa sahaja boleh menghadirinya. Tetapi kadang kala secara tertutup dan orang ramai tidak dibenarkan untuk menghadirinya, kecuali Hakim dan orang-orang yang tertentu sahaja demi kemaslahatan pihak pihak yang bertikai.

Dalam fasal 25, Hukum Acara Mesir No.147 tahun 1949³¹ menyebutkan bahawa prinsip persidangan pengadilan di adakan secara terbuka kecuali Mahkamah berpendapat perlu di adakan perbicaraan secara tertutup demi kemaslahatan, kerahsiaan rumah tangga, adab sopan dan ketenteraman umum.

Dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) Pindaan 1974³² memperuntukkan, "tiap-tiap perbicaraan hendaklah terbuka kepada orang ramai, tetapi mana-mana Mahkamah itu boleh mengeluarkan perintah iaitu semuanya atau sebahagian

daripada perbicaraan itu boleh dijalankan di dalam Mahkamah yang tertutup jika Mahkamah itu berpuas hati iaitu perbuatan yang demikian patut dan boleh mendapat keadilan".

5.4 Jika sekiranya pihak yang didakwa itu terdiri dari kalangan kanak-kanak atau pesalah muda, maka perbicaraan hendaklah dijalankan secara tertutup. Seksyen 5, Akta Mahkamah Juvana 1949³³ memperuntukkan, "Hanya orang-orang yang dibenarkan oleh Hakim sahaja boleh masuk, seperti peguam, pendakwa dan waris-waris kepada kanak-kanak tersebut. Berlainan dengan Mahkamah orang dewasa ia hendaklah terbuka kepada orang ramai".

Sehubungan dengan ini, pihak-pihak yang bertikai boleh memohon kepada Hakim supaya orang ramai tidak dibenarkan masuk untuk mendengar perbicaraan demi kebaikan mereka.

5.5 Sebagaimana yang diperkatakan sesebuah Mahkamah itu mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu, oleh pihak-pihak yang bertikai tidak dibenarkan bercakap kecuali apabila Hakim memberikan keizinan dan mengajukan persoalan kepada me-

reka. Selain daripada itu orang ramai, saksi-saksi juga dikehendakki supaya mematuhi peraturan-peraturan Mahkamah, mereka dilarang berkelakuan biadab. Apabila berlaku kebisingan di dalam Mahkamah, Hakim berhak membuat teguran kepada pihak-pihak yang terlibat. Sekiranya teguran kepada pihak-pihak tersebut tidak diperdulikan, Hakim boleh memerintahkan pengawal-pengawalnya supaya membawa keluar mereka yang terlibat keluar dari Mahkamah.³⁴ Hal ini juga telah dijelaskan di dalam seksyen 88(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syara^{c35} (Selangor) memperuntukkan, Jika sesiapa membuat kelakuan biadab di dalam Mahkamah itu, maka mengganggu perjalanan Mahkamah itu, maka Mahkamah bolehlah menyuruh orang itu ditangkap oleh mana-mana pegawai polis atau pegawai Mahkamah itu dan ditahan sampai Mahkamah itu ditutup pada hari itu, barulah dilepaskan ianya dengan tiada mengambil perhatian kepada perbicaraan yang lain".